

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotism di kalangan generasi muda, rakyat pelbagai kaum, etnik, agama dan budaya di Negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kesepaduan yang kita miliki hari ini adalah hasil kesepakatan bersama masyarakat majmuk dalam melestarikan keharmonian yang dibina ke arah mencapai matlamat perpaduan yang diidamkan.
2. Kementerian menggerakkan usaha mengukuhkan perpaduan berteraskan kepada 5 prinsip Rukun Negara yang menekankan penerapan elemen (4P) iaitu berfokuskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara khususnya dalam kalangan generasi muda pelbagai kaum di negara ini.
3. Seterusnya bagi menjadikan perpaduan sebagai suatu kebiasaan, program-program perpaduan dilaksanakan secara berterusan melalui inisiatif berikut:
 - a. **Menambahbaik elemen pendidikan Rukun Negara** di semua peringkat pra sekolah sehingga ke institut pengajian tinggi.

- b. Memupuk dan menerapkan **nilai-nilai murni** dan **elemen perpaduan** sebagai budaya dan amalan cara hidup masyarakat Malaysia kepada generasi tunas perpaduan di 41 Taska Genius Perpaduan dan 1,781 Tabika Perpaduan;
 - c. Memantapkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti **program silang budaya dan penghayatan Rukun Negara** kepada generasi pelapis kepimpinan negara iaitu generasi muda melalui 6,621 Kelab Rukun Negara (KRN) dan 172 Sekreteriat Rukun Negara (SRN); serta,
 - d. Menyebarkan elemen perpaduan kepada barisan kepimpinan komuniti melalui pelaksanaan **aktiviti-aktiviti sukarelawan komuniti** di 8,274 Kawasan Rukun Tetangga dan 5,333 Skim Rondaan Sukarela di seluruh negara.
4. Perpaduan merupakan tanggungjawab bersama. Oleh itu, Kementerian juga memperkukuhkan agenda perpaduan melalui strategi perkongsian pintar perpaduan yang membawa bersama pelbagai kementerian dan agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan sebagai rakan strategik perpaduan untuk merealisasikan usaha-usaha yang telah digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HJ MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

SOALAN

DATO' HJ MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi bagi meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan dan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar yang munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2021 diunjur sebanyak RM236.9 bilion berbanding jangkaan hasil 2020 sebanyak RM227.3 bilion, iaitu peningkatan sederhana sebanyak 4.2%. Daripada jumlah RM236.9 bilion tersebut, hasil cukai adalah sebanyak RM174.4 bilion di mana hasil cukai langsung berjumlah RM131.9 bilion manakala cukai tidak langsung pula sebanyak RM42.5 bilion. Hasil bukan cukai pula dianggar sebanyak RM62.5 bilion. Jumlah anggaran hasil yang berjumlah RM236.9 bilion tersebut sebenarnya hampir sama dengan jumlah hasil bagi tahun 2018 dan 2019, iaitu RM232.9 bilion dan RM234.4 bilion (tanpa mengambil kira RM30 bilion dividen khas PETRONAS).

2. Antara langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 adalah pengenaan duti eksais ke atas rokok elektronik. Di samping itu, Kerajaan akan terus berusaha memperkukuh dan memaksimum kutipan hasil cukai dan meningkatkan keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai. Antara strategi tersebut termasuk usaha memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan. Buat masa ini, Kerajaan masih belum bercadang untuk memperkenalkan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) kerana masih memberi tumpuan kepada pelaksanaan beberapa langkah pemulihan untuk merancakkan ekonomi, melindungi kesejahteraan rakyat dan menyokong aktiviti perniagaan.

Sekian, terima kasih.